

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA : Y.B. DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN AWANG
(MARANG).
PERTANYAAN : LISAN
TARIKH : 28.03.2017

Y.B. DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN AWANG [MARANG]
minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bagaimanakah cara dan formula pengiraan harga bahan api yang dibuat oleh Kerajaan.

JAWAPAN**JAWAPAN:**

Tuan Yang Dipertua,

1) Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Kerajaan telah melaksanakan penetapan harga runcit RON95 dan diesel berdasarkan harga pasaran dunia mengguna pakai formula *Automatic Pricing Mechanism* (APM) mulai 1 Disember 2014. Berdasarkan kaedah ini, perubahan harga runcit RON95 dan diesel di negara ini dibuat

setiap bulan untuk dilaksanakan mulai setiap 1 haribulan.

2) Kos utama yang menjadi komponen dalam formula APM tersebut ialah kos sebenar RON95 dan diesel yang telah siap diproses (*refined product*) dan kadar pertukaran mata wang ringgit Malaysia berbanding US dolar. Di samping itu, kos selainnya yang terdiri daripada komponen tertentu seperti kos pengendalian operasi dan margin syarikat minyak serta komisen pengusaha stesen minyak juga di ambil kira dalam formula APM.